

18 JAN 1996

Mahathir-Canada (Dengan Gambar)
MALAYSIA ALUKAN KERJASAMA CANADA

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Malaysia menyambut baik kerjasama Canada dengan usaha-usaha pembangunan Asean serta penyertaan mereka dalam Forum Serantau Asean, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata dengan Vietnam, sebuah negara sosialis, kini menjadi anggota Asean, kumpulan itu yakin ia akan menjadi sebuah perkumpulan yang mengandungi 10 anggota tidak lama lagi, secara bersama mempunyai pasaran yang kaya dan dianugerahi sumber-sumber yang banyak.

"Dengan kemakmuran yang bertambah, Asean 10 akan menjadi pengukuh yang lebih besar bagi keamanan dan kestabilan untuk keseluruhan rantau. Asean memuji Canada kerana berpandangan jauh untuk menjadi rakan dialog sejak awal lagi," katanya dalam ucapan pada jamuan malam untuk meraikan Perdana Menteri Canada Jean Chretien di Sri Perdana di sini.

Beliau berkata kerjasama dan pembabitan Canada dilakukan atas dasar perkongsian dan menghormati sensitiviti dan kepentingan Asean.

"Ini yang kami harapkan daripada mereka yang ingin bekerjasama dengan Asean," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia memerlukan banyak tenaga profesional terlatih dan mahir dalam usahanya untuk menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020.

Beliau berkata momentum pembangunan ekonomi dan perindustrian dijangka membuka lebih banyak peluang baru bagi pelaburan dan pembabitan asing.

"Pintu bagi penyertaan Canada sentiasa dibuka luas," katanya.

Beliau berkata dengan perasaan muhibah dan persefahaman yang dijalinan sejak sekian lama menerusi kerjasama, satu asas yang kukuh telah dibina bagi Malaysia dan Canada mempertingkatkan lagi hubungan mereka.

Perdana Menteri berkata selain kerjasama, kedua-dua negara juga telah mengambil bahagian dalam usaha-usaha bersama di arena antarabangsa.

"Kita berkongsi banyak kepentingan bersama, daripada perlunya ditingkatkan peranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai satu faktor keamanan dan kestabilan global kepada keperluan khusus untuk menjalin kerjasama dan kemakmuran di rantau Asia Pasifik," kata Dr Mahathir.

Dalam ucapannya, Chretien memuji Malaysia kerana perubahan-perubahan di negara ini yang telah membolehkannya menjadi sebuah negara Islam yang moden dan berpandangan luas.

Beliau berkata terdapat banyak potensi untuk mengembang dan mengukuhkan lagi hubungan antara kedua-dua negara.

Chretien berharap Malaysia akan menghantar lebih banyak pelajar ke Canada untuk mengambil peluang daripada universiti dan kolej-kolej teknikal bertaraf dunia di negara itu. -- BERNAMA